

SESI WAWANCARA YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI, SELAKU Pengerusi bersama Jawatankuasa Pandu Sambutan Majlis Ilmu 2021, Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 Tahun

- 1) Bolehkah Yang Berhormat Pehin mengongsikan sedikit sebanyak pandangan atau pemikiran Yang Berhormat Pehin mengenai dengan tema Majlis Ilmu pada tahun ini iaitu **COVID-19: Satu Iktibar. Apa pandangan Yang Berhormat Pehin mengenai nya?**

Pendekatan Ugama

- COVID-19 Satu Iktibar. Tema ini tepat pada masanya dan signifikan. Skopnya amat luas. Kita boleh melihat dari perspektif perubatan dan kesihatan, ugama, ekonomi, sosial, pendidikan, politik, teknologi komunikasi dan sebagainya.
- Dari kacamata biasa, COVID-19 adalah satu penyakit. Tetapi dari perspektif Tauhid, dari ilmuan ugama menerusi siri-siri ceramah dan pandangan ugama yang kita ikuti sepanjang tempoh COVID-19, COVID-19 adalah tentera Allah SWT yang dikirim Nya untuk menegur, memperingat atau menghukum perbuatan manusia masa kini.
- Ini sesuai dengan maksud ayat 31 Surah as-Sajadah: “Dan demi sesungguhnya, Kami akan merasakan mereka sedikit dari azab dunia sebelum azab yang besar (diakhirat kelak), supaya mereka rujuk kembali bertaubat”.
- Perkara ini telah menjadi sunnatullah sepanjang zaman. Ia terjadi dizaman Nabi Nuh, Nabi Musa dan Nabi Sulaiman dengan banjir besar yang memusnahkan kaum yang derhaka, di zaman Nabi Hud, Nabi Salih, Nabi Lut dan Nabi Shu’aib dengan berbagai bencana alam seperti angin ribut, petir dan gempa bumi.
- Dalam hubungan ini, kita amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kita dikurniakan seorang Raja yang bijaksana, berwibawa dan sentiasa menitikberatkan kesejahteraan rakyat.

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah menitahkan penggunaan Vaksin Ketuhanan dengan sentiasa mengingati Allah SWT dengan memperbanyakkan doa, melakukan istighfar dan taubat terhadapNya, sembahyang hajat, berzikir, membaca Qunut Nazilah, membaca surah Ya Sin, dan lain-lain disamping mematuhi piawaian antarabangsa yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Baginda juga menitahkan kita untuk komited dengan psikologi iaitu bersabar dan bertenang serta yakin kepada pertolongan Allah.

Masyarakat yang Berdisiplin

- Dari perspektif individu, keluarga dan masyarakat, COVID-19 memupok, membentuk dan menjadikan seseorang individu, keluarga dan masyarakat lebih berdisiplin.
- Sikap berdisiplin ini lebih penting lagi bagi mereka yang beragama Islam. COVID-19 melatih dan memperkukuhkan disiplin diri dalam beribadat dan dalam kehidupan seharian.

Sepertimana protokol kesihatan, kita dikehendaki untuk sentiasa mengamalkan menyuci tangan, menggunakan hand sanitizer, memakai mask, menjaga penjarakan sosial, mengimbas QR Code apabila memasuki sesuatu premis dengan menyukat suhu badan, mandi apabila tiba di rumah selepas bekerja dan sebagainya. Kita juga perlu menjaga kebersihan rumah dan semua prasarana. Ini sebenarnya adalah sesuatu yang dituntut oleh agama Islam.

- Semasa gelombang pertama dan dalam gelombang kedua ini, kita telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengurangkan pergerakan dan meniadakan perkumpulan ramai (mass gathering). Kita lebih banyak berada di rumah bersama keluarga dan secara tidak langsung kita telah dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Kita lebih banyak masa bergaul, berinteraksi, membuat kerja bersama-sama, sembahyang berjemaah, membaca Al-Quraan dan lain-lain lagi bersama keluarga.

- Dimasa biasa, dalam kesibukan semua ahli keluarga dengan aktiviti kehidupan masing-masing, kita sering menggalakkan keluarga dan menekankan mustahaknya keluarga memperuntukkan masa yang berkualiti atau “quality time” untuk bersama keluarga. Kita sekarang mempunyai peluang menjadikan masa pengawalan pergerakan ini sebagai “quality time” dan memanfaatkannya.
- Dari segi masyarakat pula, kita memelihara dan mengamalkan disiplin dengan mematuhi arahan pihak berkuasa dan Kementerian Kesihatan. Sepertimana yang berlaku pada tahun 2020, masyarakat berdisiplin menyumbang kepada cepatnya Negara mengawal jangkitan COVID-19 dan memudahkan Kerajaan melaksanakan Pelan De-Escalation.

Bersedia Menyumbang

- Pandemik ini juga telah menimbulkan kesedaran rakyat dan penduduk menjadikan mereka sebagai masyarakat yang bersedia berkhidmat dan menyumbang. Ketika Negara di landa COVID-19, ramai barisan sukarelawan tampil ke hadapan bagi sama-sama memberikan bantuan dari segi tenaga, wang ringgit dan barangan. Kita perlu sentiasa memberi galakan dan sokongan padu agar semangat bersedia menyumbang ini terus bersemarak dan menjadi teladan terbaik bagi generasi akan datang. Kita semua bersatu memikul tanggungjawab ini dengan satu tujuan untuk menyelamatkan negara dari COVID-19.
- Adalah diakui pada peringkat awal dan sehingga masa ini, ramai orang menghadapi COVID-19 dengan berbagai reaksi. Ada yang merasa cemas, panik, resah, tertekan (stress) kerana tekanan yang dihadapi. Ada yang beruri. Ianya juga telah memberi kesan ke atas kesihatan mental setengah individu. Menyedari akan perkara tersebut, Alhamdulillah pihak Kerajaan dan Bukan Kerajaan bersatu bagi sama-sama menanganinya dengan menyediakan talian khidmat nasihat.
- Pandemik ini telah banyak memberi kita iktibar, dan setentunya banyak hikmah disebalik pandemik COVID-19 ini.

2) Yang Berhormat Pehin, seperti Yang Berhormat Pehin sedia maklum, penularan wabak COVID-19, terutamanya dalam Gelombang Kedua ini memberi impak yang besar antarlainnya kepada kesihatan, ekonomi dan kehidupan masyarakat di negara ini. **Dalam hubungan ini, pada pandangan Yang Berhormat Pehin, apakah pendekatan terbaik yang boleh diambil dalam menangani cabaran-cabaran ini dengan secara berkesan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan masyarakat tetap terjaga dan sosio ekonomi terus berkembang?**

- COVID-19 telah mengubah landskap dunia. Negara kita Brunei Darussalam tidak terkecuali. Berbagai pengalaman diraih dan pengetahuan diperolehi sejak COVID-19. Tidak dinafikan COVID-19 telah memberikan impak yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan. Yang nyata akan hampir dua tahun, kita hidup dalam norma baharu.
- Jika kita imbas kembali semasa gelombang pertama, dalam beberapa bulan selepas COVID-19 melanda Negara yang dilaporkan pada 9 Mac 2020, orang ramai sudah dapat menyesuaikan diri dengan keperluan mengamalkan protokol kesihatan dan mengamalkan kehidupan seharian dalam norma baharu.
- Dalam hubungan ini, cabaran-cabaran yang kita hadapi sekarang insha Allah akan dapat ditangani dengan menggunakan pendekatan yang sama iaitu *whole of government* dan *whole of nation*. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan masyarakat secara amnya telah pun mengambil langkah-langkah yang berkenaan bagi sama-sama menangani cabaran-cabaran yang dihadapi.

Langkah Pengawalan

- Bagi menghindari penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah meneruskan dalam gelombang kedua ini, langkah berjaga-jaga dan berwaspada dengan mengurangkan pergerakan dan meniadakan mass gathering. Kerajaan juga terus menutup sempadan yang bermula dari 16 Mac 2020 dan sehingga kini hanya membenarkan pergerakan *essentials* (urusan kerajaan, kecemasan dan perniagaan penting) untuk masuk dan keluar dari Negara ini.

- COVID-19 juga mengharuskan Kerajaan untuk membuat perubahan dari segi inisiatif, dasar, akta dan perundangan. Perubahan-perubahan yang dilaksanakan adalah bagi mengharungi cabaran-cabaran daripada pandemik COVID-19 dan seterusnya agar ia selari dengan keperluan pasca COVID-19.

Komunikasi yang telus (transparent)

- Sejak dari awal pandemik COVID-19 melanda negara, kita mengamalkan komunikasi yang telus dengan orang ramai.
- Kita sukacita mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana secara konsisten memberikan maklumat setiap hari secara telus mengenai situasi COVID-19 dan dengannya mengelakkan andaian-andian dan maklumat yang tidak sahih.
- Orang ramai tahu dan faham akan strategi dan matalamat yang akan dituju. Dengannya mereka telah dan akan terus mendukung dan menyokong usaha-usaha Kerajaan.
- Dalam gelombang kedua ini sasaran kita ialah memastikan 80% penduduk negara ini mendapat 2 vaksinasi untuk kita dapat memulakan langkah membuka sektor tertentu.

Adaptasi

- Kita bersyukur dan berbangga kerana sebahagian dari anggota masyarakat khususnya pengusaha Mikro Kecil dan Sederhana membuat pendekatan berani dan dengan bijak menukar cabaran-cabaran Covid-19 ini menjadikannya peluang-peluang. Inilah sebenarnya tuntutan abad ini.
- Alhamdulillah, kita telah melihat peningkatan didalam pembudayaan inovasi komunikasi dan teknologi dalam aspek pendidikan, pengurusan, keselamatan dan perusahaan. Ini selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, yang mana dasar utama nya bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Pintar serta mendorong dan meningkatkan pertumbuhan sosio-ekonomi Negara melalui transformasi digital.

- Sehingga hari ini kita dapat menyaksikan umpamanya pertumbuhan positif sektor borong dan runcit, restoran dan perniagaan. Kita melihat sektor ini telah mempelbagaikan tatacara pemberian perkhidmatan dengan lebih inovatif dan kreatif. Perkhidmatan diatas talian umpamanya sudah menjadi norma baharu, termasuk bagi mereka yang berusaha dari rumah (home-based) dengan menggunakan payment gateway.
- Satu contoh yang dekat dengan saya ialah Satu Kampong Satu Produk (1K1P). Satu inisiatif semasa Covid-19 ialah transformasi 17 orang pengusaha terpilih untuk mengikuti skim meningkatkan kualiti produk. Alhamdulillah didalam pasaran yang terhad, yang lebih bergantung kepada pasaran domestik, mereka mampu meraih pendapatan yang lebih tinggi dibandingkan dengan sebelumnya. 9 orang meningkatkan pendapatan dari \$150 ke \$550 sebulan, 3 orang meningkatkan dari \$150 ke \$800 sebulan dan 5 orang berjaya meraih peningkatan tinggi dari \$300 kepada \$2000 membawa ke \$7000 sebulan.
- Dari segi pendidikan pula, guru-guru dan murid-murid meneruskan dan membiasakan diri dengan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian. Alhamdulillah, pembelajaran secara atas talian, menerima sokongan orang ramai yang menghulurkan sumbangan peranti khusus bagi murid-murid yang memerlukan.
- Dari segi pekerjaan pula, jika sebelum ini bekerja dari rumah dianggap sesuatu yang masih belum biasa, tetapi setelah adanya perintah untuk teranah di rumah, *non-essential workers* dari sektor Kerajaan mahupun sektor swasta mula menerima budaya bekerja dari rumah. Kerja-kerja dan mesyuarat-mesyuarat dilaksanakan di atas talian. Justeru, kita majikan dan pekerja perlu berubah. Berubah dari norma biasa kepada norma baharu.
- Di samping ini juga, COVID-19 menyedarkan rakyat betapa pentingnya amalan perancangan kewangan, bagi individu, keluarga ataupun organisasi. Pentingnya mengatur perbelanjaan. Perlunya berbelanja secara berhemah. Perlunya berjimat cermat. Mustahaknya menabung dan bersedia menghadapi cuaca kewangan yang berubah dan tidak diduga.

Antarabangsa

- Diperingkat serantau dan antarabangsa, COVID-19 merapatkan hubungan kerjasama dan bantu membantu. Kita amat berbesar hati di atas kerjasama dan sumbangan-sumbangan vaksin, peralatan perubatan dari Negara-Negara Sahabat. Alhamdulillah dengan adanya sumbangan tersebut, Negara Brunei Darussalam akan dapat membendung penularan COVID-19. Dalam masa yang sama Negara Brunei Darussalam juga menghulurkan sumbangan kepada negara-negara sahabat serantau. Sumbangan ini jelas mempamerkan keakraban hubungan persahabatan dan diplomatik yang erat diantara Negara Brunei Darussalam dengan Negara-Negara ASEAN dan Serantau. Ini juga turut menunjukkan komitmen yang tinggi dari negara serantau dalam sama-sama menangani krisis COVID-19.
- Jawatankuasa Pandu Covid-19 secara berterusan memantau kedudukan Covid-19 di negara ini. Jawatankuasa merangka strategi bagi inisiatif-inisiatif pemulihan dan pembukaan secara berfasa dibawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan Covid-19 khususnya dalam fasa trasisi atau peralihan dan fasa endemic.
- Dalam mengharungi gelombang kedua ini, kita sedang melaksanakan langkah-langkah strategik melalui Operasi Pulih. Menerusi strategi ini jika tahap vaksinasi penuh yakni dua vaksinasi mencapai 70%, Insya Allah kita akan dapat membuka masjid bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang Fardu.
- Jika kadar vaksinasi penuh mencapai 80%, kita akan dapat menimbangkan untuk membuka premis-premis tertentu dengan mengamalkan protokol kesihatan.
- COVID-19 menjadi wacana menyatukan setiap anggota masyarakat tanpa mengira umur, bangsa dan ugama. Insha Allah dengan adanya kerjasama, kita akan dapat sekali lagi membendung jangkitan COVID-19.

3) Dan akhir sekali, secara umumnya, dalam memastikan kelangsungan hidup masyarakat Negara ini, **apakah iktibar besar yang diambil daripada penularan wabak COVID-19 semasa kedua-dua gelombang wabak pada tahun lepas dan tahun ini dan persediaan kita selepas pasca COVID 19?**

- Jelasnya, dalam kehidupan bernegara, kita telah menempuh berbagai jenis wabak seperti influenza, SARS, H1N1 dan sebagainya. Negara kita juga mengalami kesan dari krisis kewangan seperti *Asian Financial Crisis 1997*, *Global Financial Crisis 2001* dan *Global Financial Crisis 2008*. Sungguhpun wabak dan krisis kewangan ini memberi impak kepada negara dan sebahagian orang ramai, namun kesannya itu tidak sebegitu serious dan hebat seperti apa yang dialami dari COVID-19.
- COVID-19 memberi kesan yang besar kepada kehidupan seluruh lapisan masyarakat dari orang tua membawa kepada kanak-kanak, menjejaskan gulungan pengusaha dan peniaga dari yang bersaiz multi-national membawa kepada penguasaha mikro, kecil dan sederhana.
- Sejak meletusnya wabak COVID-19, kita menyaksikan Ketua-Ketua negara dan Kerajaan tampil kehadapan menyeru rakyat dan penduduknya bekerjasama dan berganding bahu dengan Kerajaan mengatasi penularan wabak ini. Ini jelas mencerminkan sikap prihatin yang serious Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan terhadap kesejahteraan hidup rakyat dan penduduknya dan kesannya kepada sektor ekonomi dan keselamatan. Kita menyaksikan sehingga hari ini akan peranan penting kepimpinan (leadership) dalam usaha membendung Covid-19.
- Berlainan dengan strategi dan pendekatan Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan lain, Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tidak sahaja berharap kepada pendekatan kesihatan dan nasihat WHO dalam menghadapi wabak ini tetapi telah menitahkan untuk menggunakan Vaksin Ketuhanan. Baginda membawa seluruh rakyat dan penduduk negara ini untuk bermunajat, memohon ampun kepada Allah dengan melaksanakan sembahyang Hajat, Qunut Nazilah, membaca Ya Sin, berzikir secara berterusan supaya Allah SWT akan mengangkat COVID-19 dari negara ini. Lebih 400 hari kita dapat menikmati kehidupan biasa seperti sebelum munculnya gelombang kedua COVID-19. Alhamdulillah, sebagai sebuah bangsa yang berakidah, kita tetap yakin dengan Vaksin Ketuhanan dan meneruskannya.

Resilience

- Kejayaan negara membendung COVID-19 dalam gelombang pertama dan Insha Allah dalam gelombang kedua ini ialah fabrik masyarakat kita yang berdisiplin. Masyarakat yang terdidik dan terasuh dengan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Masyarakat yang mengamalkan dan mendukung Negara Zikir. Ajaran agama Islam dan protokol kesihatan telah menjadikan majoriti rakyat dan penduduk di negara ini berdisiplin. Mereka taat kepada perintah Raja. Patuh kepada arahan Kerajaan dan menghormati protokol kesihatan COVID-19.
- Kita bersyukur dan berbangga dengan semangat, kesedaran dan komitmen anggota masyarakat kita yang bersedia menjadi Sukarelawan berdiri dibarisan hadapan untuk membantu penularan COVID-19. Kita menghargai akan kesediaan masyarakat menghulurkan sumbangan kewangan dan barangan. Dalam keadaan negara berhadapan dengan Covid-19, Kita bersyukur menyaksikan bahawa semua lapisan masyarakat memikul tanggungjawab bersama.
- Kekukuhan sebuah negara lazim diukur apabila negara menerima ancaman. Ia menguji kekebalan benteng pertahanan negara. Penyakit pun satu ancaman. Covid-19 dapat disifatkan sebagai satu ancaman kepada negara dan dunia. Ia memberikan impak serious kepada semua aspek kehidupan. Ia mencabar dan mengugat sistem kesihatan awam, melemahkan sistem ekonomi dan menjejaskan banyak sektor kehidupan.
- Disebalik semua ini, COVID-19 adalah manifestasi perpaduan masyarakat. Ia adalah satu ujian mengukur ketahanan kita sebagai sebuah bangsa. Jelas terpancar kita selaku rakyat dan penduduk negara ini berdiri teguh dibelakang kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai lambang ketahanan negara atau national resilience. COVID-19 adalah litmus paper yang menguji benteng kekukuhan kita sebagai sebuah bangsa yang bersatu padu.
- Ketahanan diri ini diperkukuh lagi dengan Vaksin Ketuhanan. Amalan Vaksin Ketuhanan yang kita amalkan Insha Allah akan mengukuhkan lagi Iman dan Takwa umat Islam di negara ini. Sebagai sebuah negara Zikir, benteng pertahanan kita akan menjadi bertambah kukuh dengan rakyat dan

penduduk yang beriman dan bertaqwa. Sejarah telah membuktikan, kejayaan umat Islam di zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat dalam menyebarkan agama Islam, hatta menghadapi peperangan dengan orang bukan Islam adalah atas dasar Iman dan Taqwa.

- Ini selaras dengan janji Allah SWT dalam Surah al-'Araaf ayat 96 yang mafhumnya “Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi”.

Way Forward

- Pada masa ini beberapa buah negara yang telah berjaya melengkapkan vaksinansi kepada hampir 80-90% penduduknya telah menyifatkan COVID-19 sebagai endemik. Dengan itu melonggarkan kawalan-kawalan yang diperkenalkan dan dikuatkuasakan sebelum ini bagi membolehkan orang ramai menjalani kehidupan seperti biasa. Ini bermakna kita akan terus hidup dengan COVID-19. Dalam hubungan ini dengan berpandukan pengalaman semasa COVID-19 serta perubahan dan cabaran yang dibawanya dengan pengamalan norma baharu, bagaimana kita akan dapat mengharungi kehidupan pasca COVID-19.
- Apa yang jelas dalam kehidupan kita masa ini dan akan datang, kita akan terus menempuh dan berhadapan dengan berbagai perubahan dan cabaran yang cepat berubah iaitu perubahan yang vulnerable, tidak dapat diduga (uncertain), complex dan ambiguous. Tidak ada yang dapat meramal berlakunya COVID-19.
- COVID-19 dalam masa yang singkat telah memberi kesan yang serious kepada ekonomi dunia. Ia memberi impak kepada pengeluaran atau production. Ia menjejaskan sektor industri. Ia menjejaskan sektor pengangkutan dan dengan sendirinya sektor pelancungan. Ia telah melembabkan pertumbuhan ekonomi. Dengan demikian kita mesti berusaha ke arah mencari strategi untuk menjadikan ekonomi negara resilient, yang mampu untuk bertahan dalam apa jua kemungkinan cuaca yang akan melanda.
- Kebanyakan negara bergantung kepada kecekapan teknologi maklumat dan terbukti dalam membantu membendung penularan COVID-19. Sektor ekonomi khususnya perniagaan dan perusahaan semasa COVID-19 dapat

bertahan dan hidup dengan bantuan teknologi maklumat. Sektor pendidikan dapat terus berfungsi menerusi pembelajaran atas talian. Semua sektor kehidupan kita semasa COVID-19 bersikut di atas platform teknologi maklumat. Ia sudah menjadi sebahagian dari kehidupan kita. Oleh itu kita mesti terus memperkasa sektor ini selaras dengan dasar negara untuk menjadi Smart Nation.

- Tahap kesihatan awam perlu terus dipelihara dan dipertingkatkan. Perkembangan dan kemajuan sektor-sektor yang dinyatakan boleh dipacu jika kita mempunyai rakyat dan penduduk yang sehat. Kita perlu memperkukuhkan kesihatan awam.
- Covid-19 akan menjadikan kita sebuah bangsa yang bersatu padu dan siap siaga dengan penuh iman dan taqwa menempuhi apa jua cabaran dan kemungkinan-kemungkinan dimasa akan datang, yang Insya Allah akan dapat digalas dengan penuh tanggung jawab secara kolektif dengan pendekatan “whole of nation” dibawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.